

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' TUAN IBRAHIM B. TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah pekerja asing di Malaysia yang bergaji RM5,000 ke bawah, RM5,000 ke RM8,000, RM8,000 ke RM10,000 dan RM10,000 ke RM15,000 dan RM15,000 ke atas serta langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kerja-kerja bergaji RM10,000 ke atas dapat ditukar tangan kepada rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 3 kategori bagi pekerja asing yang berkepakaran (Ekspatriat / Pegawai Dagang) di Malaysia.

Bagi Kategori I, gaji minima adalah sebanyak RM10,000 sebulan dengan tempoh kontrak maksimum selama 5 tahun. Manakala bagi Kategori II, had gaji adalah RM5,000 hingga RM9,999 sebulan dan tempoh kontrak adalah maksimum 2 tahun. Bagi Kategori III pula, jumlah gaji bulanan adalah RM3,000 hingga RM4,999 dengan tempoh kontrak maksima selama 12 bulan dengan 2 kali pembaharuan.

Jumlah pemegang Pas Penggajian yang aktif setakat 31 Mei 2019 adalah sebanyak 61,949 bagi Kategori I, 44,067 bagi Kategori II dan Kategori III pula adalah sebanyak 12,155.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN NO. 440

Y.B. DATO' TUAN IBRAHIM TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kerugian daripada sudut pembayaran faedah hutang kerana pertukaran mata wang asing akibat kejatuhan nilai Ringgit semenjak 1 Mei 2018 sehingga 30 Jun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam merangka strategi pengurusan hutang, Kerajaan sentiasa memastikan hutang yang dibuat adalah mengikut kapasiti kedudukan kewangan Kerajaan iaitu keupayaan membayar kadar faedah dan pokok. Pinjaman yang dibuat akan dipastikan sentiasa pada kos yang terendah dan dihadkan hanya bagi membiayai perbelanjaan pembangunan, selaras dengan disiplin fiskal yang telah diamalkan.
2. Dalam membuat pinjaman dari sumber luar pesisir, Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403] yang mengehadkan pinjaman terkumpul luar pesisir pada RM35 bilion. Ini memastikan pendedahan minima kepada risiko tukaran mata wang asing. Sehubungan itu, sehingga Jun 2019 pinjaman luar pesisir dari sumber mata wang asing hanya merangkumi RM29.2 bilion atau 3.7% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah ini, hutang dalam denominasi Dolar AS merangkumi 54.5% (RM15.9 bilion), Yen 44.7% (RM13.1 bilion) dan mata wang lain 0.8% (RM220 juta).
3. Jumlah hutang luar pesisir yang kecil ini telah menyebabkan pendedahan yang minimum kepada risiko tukaran mata wang asing. Dalam tempoh Mei 2018 sehingga kini, Kerajaan dianggarkan mengalami kerugian tukaran mata wang dalam pembayaran faedah hutang luar pesisir berjumlah RM22 juta sahaja, iaitu jumlah yang kecil berbanding dengan jumlah hutang luar pesisir sebanyak RM29.2 bilion. Ini berikutan ringgit pada Mei 2018 berada pada paras RM4.0223 berbanding Dolar AS menyusut kepada RM4.1829 pada Jun 2019. Bagi Yen pula pada Mei 2018 berada pada paras RM0.03699 menyusut kepada RM0.0388 pada Jun 2019.